

31 JAN 1996

PM BERBUKA PUASA DENGAN PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

KUALA LUMPUR, 31 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Dalam Negeri, menghadiri majlis berbuka puasa bersama-sama pegawai-pegawai kanan Kementerian Dalam Negeri di Balai Felda, Jalan Gurney di sini, malam ini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayob, Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor dan pegawai-pegawai kanan kementerian. -- BERNAMA